Jurnal Borneo Akhailogia (Warisan, Arkeologi & Sejarah), Disember 2026, Vol.11(1), hlm.211-232
e-ISSN: 2600-8726© Erna Lyescca Damianus & Bilcher Bala
https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/JBA/

KEPIMPINAN RENTAP DAN PENENTANGAN IBAN TERHADAP PEMERINTAHAN BROOKE DI SARIBAS DAN SKRANG, 1842-1861

Rentap's Leadership and Iban Resistance to Brooke Rule in Saribas and Skrang, 1842-1861

Erna Lyescca Damianus[1] & Bilcher Bala[*2]

[1 & 2] Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah
*Corresponding author: bilcher@ums.edu.my

Dihantar: 16 Ogos 2026 / Penambahbaikan: 24 September 2026
Diterima: 29 Oktober 2026 / Terbit: 31 Disember 2026

Abstrak

Artikel ini membincangkan kepimpinan Rentap dan penentangan masyarakat Iban terhadap pemerintahan Brooke di Saribas dan Skrang antara 1842-1861. Kajian bertujuan menganalisis asas kepimpinan dan strategi pertahanan Rentap, menilai kesan perjuangannya terhadap pembentukan kesedaran kolektif masyarakat Iban, serta meneliti tindak balas pemerintahan Brooke terhadap penentangan tersebut. Kajian menggunakan pendekatan sejarah secara kualitatif melalui analisis kritis terhadap buku, artikel jurnal dan penulisan sejarah berkaitan masyarakat Iban, pemerintahan Brooke serta konflik di kawasan Saribas dan Skrang. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kekuatan Rentap tidak hanya berpunca daripada keberanian peribadi, tetapi daripada legitimasi kepahlawanan dalam masyarakat Iban, sokongan jaringan komuniti, pengetahuan geografi dan kemampuan membentuk strategi pertahanan yang menyesuaikan diri dengan keadaan tempatan. Kedudukan Bukit Sadok, penggunaan taktik gerila, penguasaan laluan sungai dan tanah tinggi membolehkan penentangan bertahan dalam menghadapi beberapa ekspedisi ketenteraan Brooke. Perjuangan tersebut turut membentuk solidariti yang berasaskan pertahanan tanah, adat, maruah dan autonomi komuniti. Walaupun unsur ini kemudian dapat ditafsirkan sebagai bentuk nasionalisme awal, ia lebih tepat difahami dalam konteks zamannya sebagai kesedaran kolektif terhadap kedaulatan tempatan dan penolakan terhadap peluasan kuasa luar. Pemerintahan Brooke bertindak melalui operasi ketenteraan berulang, penggunaan

persenjataan yang lebih kuat, pembentukan pakatan dengan kelompok tempatan dan pembingkaian Rentap sebagai pemberontak atau ancaman terhadap ketertiban. Kejatuhan Bukit Sadok tidak menghapuskan makna politik perjuangan Rentap kerana ingatan terhadap kepimpinannya terus berkembang sebagai simbol keberanian dan penentangan dalam identiti sejarah masyarakat Iban. Kajian ini berhujah bahawa konflik Rentap-Brooke bukan sekadar pertembungan ketenteraan antara seorang pemimpin tempatan dengan pemerintah baharu, tetapi merupakan persaingan mengenai autonomi, legitimasi politik dan hak menentukan susunan kehidupan masyarakat di kawasan pedalaman Sarawak.

Kata Kunci : Rentap, Masyarakat Iban, Pemerintahan Brooke, Penentangan; Autonomi Tempatan

Abstract

This article examines Rentap's leadership and Iban resistance to Brooke rule in Saribas and Skrang between 1842-1861. The study aims to analyse the foundations of Rentap's leadership and defensive strategies, assess the impact of his resistance on the formation of collective consciousness among the Iban, and examine the Brooke government's responses to the challenge posed by his movement. Employing a qualitative historical approach, the study critically analyses books, journal articles, and historical writings concerning Iban society, Brooke rule, and conflicts in the Saribas and Skrang regions. The findings show that Rentap's strength did not derive solely from personal courage, but from the legitimacy of Iban warrior leadership, support from local community networks, knowledge of the terrain, and his ability to develop defensive strategies adapted to local geographical conditions. The strategic position of Bukit Sadok, guerrilla tactics, and control over riverine routes and upland terrain enabled his resistance to withstand repeated Brooke military expeditions. His struggle also fostered a form of collective solidarity centred on the defence of land, customary practices, honour, and local autonomy. Although these elements were later interpreted as expressions of early nationalism, they are more appropriately understood in their nineteenth-century context as a collective defence of local sovereignty against expanding external authority. The Brooke government responded through repeated military operations, superior weaponry, alliances with local groups, and the political framing of Rentap as a rebel or threat to

order. The fall of Bukit Sadok did not erase the political significance of Rentap's resistance, as memories of his leadership subsequently developed into an enduring symbol of courage and resistance within Iban historical identity. The study argues that the Rentap-Brooke conflict was not merely a military confrontation between a local leader and an expanding regime, but a contest over autonomy, political legitimacy, and the right to determine the social order of Sarawak's interior communities.

Keywords **:** *Rentap, Iban society; Brooke rule; resistance; local autonomy*

Pengenalan

Rentap merupakan salah seorang pemimpin Iban yang paling menonjol dalam sejarah penentangan terhadap peluasan pemerintahan Brooke di Sarawak pada pertengahan abad ke-19. Kedudukannya sebagai pahlawan dan pemimpin perang berkembang dalam struktur sosial masyarakat Iban yang menilai keberanian, kewibawaan, kemampuan melindungi komuniti dan penguasaan terhadap medan sebagai asas penting kepimpinan. Penentangan yang berlaku di kawasan Saribas dan Skrang tidak hanya berpunca daripada persaingan ketenteraan, tetapi turut berkait dengan perubahan terhadap autonomi komuniti, kawalan wilayah, amalan adat dan hubungan antara pemimpin tempatan dengan kuasa pemerintahan baharu. Penguasaan laluan sungai, penggunaan kawasan tanah tinggi dan pertahanan di Bukit Sadok memperlihatkan bahawa perjuangan Rentap berkembang melalui gabungan kepimpinan tempatan, sokongan komuniti dan pengetahuan terhadap geografi, manakala tindak balas Brooke menunjukkan usaha yang semakin sistematik untuk memperluaskan autoriti politik ke kawasan pedalaman. Artikel ini bertujuan menganalisis kepimpinan Rentap dan penentangan masyarakat Iban terhadap pemerintahan Brooke di Saribas dan Skrang antara 1842-1861. Secara khusus, kajian mempunyai tiga objektif, iaitu menganalisis asas kepimpinan Rentap serta strategi pertahanan yang digunakan dalam menghadapi peluasan kuasa Brooke; menilai kesan kepimpinannya terhadap pembentukan solidariti dan kesedaran kolektif masyarakat Iban; serta menganalisis tindak balas pemerintahan Brooke dari sudut ketenteraan, pembentukan pakatan dan pembinaan legitimasi politik terhadap penentangan Rentap.

Melalui ketiga-tiga objektif tersebut, konflik Rentap-Brooke dinilai bukan semata-mata sebagai siri pertempuran, tetapi sebagai pertembungan antara dua bentuk tuntutan terhadap autoriti, wilayah dan hak menentukan susunan kehidupan politik serta sosial masyarakat tempatan.

Permasalahan Kajian

Penentangan Rentap terhadap pemerintahan Brooke sering dihuraikan sebagai konflik antara seorang pahlawan Iban dengan sebuah pemerintahan yang sedang memperluaskan kuasanya ke kawasan pedalaman Sarawak. Namun, penjelasan yang hanya menumpukan kepada keberanian individu atau siri pertempuran tidak memadai untuk menerangkan mengapa penentangan tersebut dapat bertahan dalam tempoh yang panjang. Rentap beroperasi dalam struktur sosial masyarakat Iban yang memberikan nilai tinggi kepada kewibawaan kepahlawanan, hubungan antara rumah panjang, penguasaan wilayah dan kemampuan seseorang pemimpin melindungi komuniti. Pringle menunjukkan bahawa hubungan antara masyarakat Iban dengan pemerintahan Brooke tidak bersifat seragam kerana wujud penentangan, kerjasama dan pembentukan pakatan yang berubah mengikut kepentingan tempatan (Pringle, 1970: 47, 89). Ben pula menekankan bahawa penentangan Rentap berkait dengan campur tangan Brooke terhadap adat, kebebasan dan kehidupan masyarakat Iban, bukan sekadar persaingan peribadi dengan James Brooke (Ben, 2023: 235-236). Dengan itu, konflik tersebut perlu ditempatkan dalam persoalan yang lebih luas mengenai autonomi politik dan hak komuniti menentukan susunan kehidupan mereka.

Perluasan kuasa Brooke turut membawa perubahan terhadap pengawalan wilayah, laluan sungai dan beberapa amalan masyarakat Iban yang dianggap bermasalah oleh pemerintah baharu. Antara yang paling menonjol ialah usaha membanteras *ngayau* dan kegiatan yang dikategorikan oleh Brooke sebagai pelanunan. Kiyai @ Keai menunjukkan bahawa *ngayau* mempunyai kedudukan tertentu dalam sejarah sosial dan budaya masyarakat Iban, termasuk hubungannya dengan keberanian, peperangan dan kedudukan sosial (Kiyai @ Keai, 2021: 126). Oleh itu, tindakan pemerintah terhadap amalan tersebut tidak hanya boleh dibaca sebagai usaha memperkenalkan ketenteraman, tetapi juga sebagai campur tangan terhadap struktur nilai dan autoriti tempatan. Dalam keadaan sedemikian, penentangan

tidak semestinya timbul kerana penolakan terhadap perubahan pada dirinya sendiri, tetapi kerana perubahan itu datang bersama tuntutan kuasa luar untuk menentukan apa yang dibenarkan, siapa yang berhak memerintah dan bagaimana wilayah perlu dikawal.

Masalah analitikal yang pertama dengan itu berkaitan dengan hubungan antara peluasan kuasa luar dan daya tahan penentangan tempatan. Kekuatan Rentap tidak hanya bergantung pada keberanian peribadi. Pertahanan di Bukit Sadok memperlihatkan penggunaan geografi, benteng kayu keras, laluan yang sukar ditembusi dan taktik serang balas sebagai sebahagian daripada strategi mempertahankan wilayah. Dalam dua ekspedisi awal, pasukan Brooke gagal menawan kedudukan tersebut walaupun mempunyai organisasi ketenteraan yang lebih tersusun. Kekuatan pertahanan ini menunjukkan bahawa pengetahuan tempatan dan sokongan komuniti boleh mengimbangi, sekurang-kurangnya untuk satu tempoh tertentu, kelebihan sebuah pemerintahan yang memiliki sumber ketenteraan lebih besar. Oleh itu, hipotesis utama kajian ini ialah bahawa penentangan masyarakat tempatan terhadap peluasan kuasa luar akan menjadi lebih berdaya tahan apabila ancaman terhadap autonomi dan susunan sosial komuniti bertemu dengan kepimpinan yang mempunyai legitimasi tempatan, sokongan jaringan sosial dan kemampuan memanfaatkan keadaan geografi sebagai sumber pertahanan.

Permasalahan seterusnya berkaitan dengan cara kesan kepimpinan Rentap terhadap masyarakat Iban harus ditafsirkan. Sebahagian penulisan kemudian menggambarkan Rentap sebagai tokoh nasionalisme awal, tetapi penggunaan konsep tersebut memerlukan penelitian yang berhati-hati. Smith menjelaskan bahawa nasionalisme dalam pengertian moden berkait dengan pembentukan bangsa, kesedaran kebangsaan, simbol bersama dan gerakan politik yang berorientasikan komuniti kebangsaan (Smith, 2010: 5-6). Kerangka ini sukar diterapkan secara langsung kepada masyarakat Iban pada pertengahan abad ke-19 kerana perjuangan Rentap tidak mempunyai program negara bangsa moden, institusi nasional atau matlamat menyatukan seluruh penduduk Sarawak di bawah satu identiti politik bersama.

Buyong Adil lebih berhati-hati apabila melihat penentangan Rentap sebagai usaha mempertahankan autonomi dan adat peribumi, bukannya nasionalisme dalam pengertian politik moden (Buyong Adil,

1980: 114). Sebaliknya, Ooi Keat Gin memberikan ruang kepada tafsiran yang melihat perjuangan Rentap sebagai mempunyai ciri nasionalisme awal kerana ia menghasilkan kesedaran mengenai ancaman kuasa luar dan menggerakkan sokongan merentasi komuniti tempatan (Ooi, 2009: 274). Perbezaan ini memperlihatkan satu masalah historiografi yang penting. Jika setiap bentuk penentangan terhadap pemerintahan luar terus disebut nasionalisme, konsep tersebut menjadi terlalu luas. Namun, jika nasionalisme hanya dihadkan kepada gerakan politik abad ke-20, bentuk kesedaran kolektif yang lebih awal berasaskan tanah, adat, maruah dan autonomi pula mungkin terpinggir daripada analisis.

Dalam konteks ini, kepimpinan Rentap mempunyai kepentingan kerana kemampuannya membina sokongan yang melampaui seorang individu atau satu rumah panjang. Kesedaran bersama yang terbentuk tidak semestinya merupakan nasionalisme moden, tetapi mempunyai ciri solidariti politik apabila masyarakat mengenal pasti ancaman bersama terhadap wilayah, adat dan kebebasan mereka. Ingatan terhadap Rentap yang kemudiannya diwariskan sebagai simbol keberanian turut menunjukkan bahawa makna perjuangannya berkembang selepas berakhirnya konflik bersenjata. Rentap tidak hanya dikenang sebagai pemimpin perang, tetapi menjadi simbol sejarah yang digunakan untuk mewakili keteguhan masyarakat Iban dalam menghadapi kuasa luar. Maka, hipotesis khusus pertama kajian ini ialah bahawa kepimpinan Rentap telah membantu mengubah penentangan yang bersifat setempat kepada solidariti kolektif yang berasaskan pertahanan adat, wilayah dan maruah masyarakat Iban, tetapi solidariti tersebut lebih tepat ditafsirkan sebagai bentuk kesedaran politik tempatan atau nasionalisme awal yang terbatas, bukannya nasionalisme moden dalam pengertian negara bangsa.

Permasalahan ketiga berkaitan dengan bagaimana kemenangan pemerintahan Brooke harus dijelaskan. Penjelasan yang hanya menekankan keunggulan persenjataan Barat boleh menyederhanakan sifat sebenar konflik. Memang benar bahawa penggunaan artileri memainkan peranan besar dalam serangan terakhir terhadap Bukit Sadok. Crisswell menunjukkan bahawa ekspedisi Brooke melibatkan penggunaan meriam yang semakin berat dan serangan yang lebih sistematik terhadap kubu Rentap (Crisswell, 1978: 89, 142). Runciman turut mencatat bahawa kejayaan menawan Bukit Sadok berkait dengan penggunaan persenjataan yang lebih berkesan serta operasi

ketenteraan yang lebih terancang (Runciman, 1960: 110). Namun, kemenangan itu tidak hanya ditentukan oleh teknologi.

Pemerintahan Brooke turut membina sokongan daripada kelompok tempatan, termasuk masyarakat Iban dan Melayu yang mempunyai kepentingan atau konflik tersendiri. Keadaan ini menunjukkan bahawa konflik Rentap-Brooke bukan pertembungan mudah antara "orang Iban" dengan "orang Brooke". Masyarakat tempatan sendiri mempunyai kepentingan, persaingan dan pilihan politik yang berbeza. Penggunaan pasukan tempatan membolehkan Brooke memperluaskan operasi ketenteraan sambil mengurangkan kemampuan Rentap membentuk satu blok penentangan yang seragam. Dengan demikian, apa yang sering disebut sebagai pecah dan perintah sebenarnya berfungsi melalui eksploitasi terhadap hubungan sosial dan konflik tempatan yang telah sedia wujud, bukannya hanya melalui arahan pentadbiran dari atas.

Pada masa yang sama, konflik tersebut turut berlaku pada peringkat pembinaan legitimasi. Rentap digambarkan dalam sebahagian penulisan yang berorientasikan Brooke sebagai pemberontak, lanun atau ancaman terhadap ketertiban, sedangkan naratif tempatan mengangkatnya sebagai pelindung adat dan wilayah. Perbezaan istilah ini mempunyai kesan historiografi kerana label "lanun" atau "pemberontak" boleh menjadikan operasi ketenteraan Brooke kelihatan sebagai tindakan memulihkan keamanan, manakala istilah "pejuang" atau "wira" pula meletakkan konflik tersebut dalam kerangka penentangan terhadap peluasan kuasa luar. Oleh itu, sumber kolonial tidak boleh dibaca sebagai gambaran neutral mengenai Rentap, tetapi perlu dianalisis bersama kepentingan politik pemerintahan yang menghasilkannya.

Daripada sudut ini, kemenangan Brooke merupakan hasil hubungan antara teknologi ketenteraan, logistik, pembentukan pakatan tempatan dan penguasaan naratif politik. Kejatuhan Bukit Sadok menandakan kelemahan pertahanan Rentap secara ketenteraan, tetapi tidak semestinya membuktikan bahawa legitimasi pemerintahannya diterima secara menyeluruh oleh masyarakat Iban. Sebaliknya, kesinambungan ingatan terhadap Rentap memperlihatkan bahawa kemenangan ketenteraan Brooke dan kemenangan simbolik dalam memori masyarakat merupakan dua proses yang berbeza. Maka, hipotesis khusus kedua kajian ini ialah bahawa kejayaan

pemerintahan Brooke menundukkan penentangan Rentap tidak ditentukan oleh kelebihan persenjataan semata-mata, tetapi melalui gabungan operasi ketenteraan, penguasaan logistik, pembentukan pakatan dengan kelompok tempatan dan pembingkaian Rentap sebagai ancaman terhadap ketertiban, sehingga konflik tersebut turut menjadi persaingan mengenai legitimasi politik dan penguasaan naratif sejarah.

Sorotan Literatur

Penulisan mengenai Rentap dan penentangan masyarakat Iban terhadap pemerintahan Brooke dapat dibahagikan kepada beberapa kecenderungan utama, iaitu kajian mengenai sebab penentangan, budaya peperangan Iban, kepimpinan dan strategi Rentap, pembentukan kuasa Brooke, serta pembinaan imej Rentap dalam sejarah dan ingatan kolektif. Keseluruhan literatur menunjukkan bahawa konflik Rentap-Brooke tidak dapat diterangkan hanya sebagai perselisihan antara seorang pemimpin tempatan dengan James Brooke. Sebaliknya, ia berkembang daripada pertembungan antara struktur kuasa tempatan dengan pemerintahan baharu yang berusaha mengawal wilayah, laluan sungai, kegiatan peperangan dan hubungan politik masyarakat pedalaman. Dalam kerangka ini, Rentap muncul bukan hanya sebagai tokoh ketenteraan, tetapi sebagai pemimpin yang kewibawaannya berkait dengan adat, kepahlawanan, jaringan pengikut dan kemampuan mempertahankan ruang autonomi masyarakat Iban.

Ben memberikan perhatian khusus terhadap motif dan faktor yang mendorong perjuangan Rentap. Penelitiannya menunjukkan bahawa penentangan Rentap berkait rapat dengan campur tangan Brooke terhadap kehidupan masyarakat Iban, termasuk usaha mengawal ngayau serta kegiatan yang ditafsirkan oleh pemerintah sebagai pelanunan (Ben, 2023: 233-252). Analisis tersebut penting kerana mengalihkan perhatian daripada anggapan bahawa Rentap semata-mata seorang pemberontak kepada persoalan mengenai bagaimana masyarakat tempatan memahami tindakan Brooke. Ben turut menunjukkan bahawa latar kepahlawanan Rentap dan kedudukannya dalam masyarakat Iban menjadi asas kepada kemampuannya menggerakkan pengikut (Ben, 2023: 235-241). Namun, faktor budaya sahaja belum cukup untuk menjelaskan

ketahanan penentangannya kerana kekuatan tersebut turut bergantung pada geografi, jaringan sosial dan strategi peperangan.

Aspek budaya peperangan dijelaskan dengan lebih mendalam oleh Kiyai @ Keai melalui penelitian mengenai sejarah ngayau. Ngayau tidak boleh difahami hanya sebagai tindakan keganasan kerana ia mempunyai hubungan dengan struktur sosial, keberanian, kedudukan lelaki dan nilai kepahlawanan dalam masyarakat Iban tradisional (Kiyai @ Keai, 2021: 121-137). Perspektif ini penting apabila menilai dasar Brooke kerana usaha membanteras ngayau sebenarnya menyentuh sebahagian daripada sistem nilai yang membentuk kewibawaan pahlawan. Namun, pengiktirafan terhadap fungsi budaya ngayau tidak bermaksud tindakan tersebut perlu dirayakan atau dinilai di luar konteks sejarahnya. Sebaliknya, pemahaman terhadap fungsi sosialnya membantu menjelaskan mengapa campur tangan pemerintah baharu boleh ditafsirkan sebagai ancaman terhadap autonomi dan identiti komuniti.

Kajian Kiyai @ Keai mengenai Perang Beting Marau pula memperluaskan analisis kepada hubungan antara masyarakat Iban Saribas dan Skrang dengan pembentukan kuasa Brooke. Konflik Beting Marau memperlihatkan bahawa operasi anti-pelanunan Brooke mempunyai akibat politik yang jauh lebih luas kerana ia mempercepatkan proses peluasan kawalan terhadap kawasan sungai dan kelompok tempatan (Kiyai @ Keai, 2022: 91-93). Peristiwa tersebut menunjukkan bahawa konflik tidak berlaku secara tiba-tiba di Bukit Sadok, tetapi berkembang daripada hubungan yang semakin tegang antara pemerintah Brooke dengan komuniti Iban. Dengan itu, penentangan Rentap perlu ditempatkan dalam sejarah konflik wilayah yang lebih panjang, bukannya dianalisis sebagai siri pertempuran yang terpisah.

Dari sudut kepimpinan dan ketahanan penentangan, Pringle menyediakan salah satu analisis terpenting mengenai hubungan Iban-Brooke. Beliau menunjukkan bahawa masyarakat Iban tidak bertindak sebagai satu blok politik yang homogen kerana hubungan dengan Brooke berbeza mengikut komuniti, pemimpin dan kepentingan setempat (Pringle, 1970: 47, 101-102). Perkara ini membantu menjelaskan kedudukan Rentap. Keupayaannya mempertahankan pengaruh bukan semata-mata hasil kewibawaan individu, tetapi bergantung pada kemampuannya mengekalkan jaringan penyokong

dalam persekitaran politik yang berpecah. Pringle turut menunjukkan bagaimana Bukit Sadok menjadi pusat pertahanan penting serta bagaimana operasi Brooke akhirnya menggabungkan kekuatan ketenteraan dengan sokongan daripada kelompok tempatan (Pringle, 1970: 149-156). Oleh itu, konflik tersebut lebih tepat dilihat sebagai persaingan membina dan mengekalkan pakatan politik.

Walker mengembangkan perbincangan ini melalui analisis tentang pembentukan kekuasaan Brooke. Menurut Walker, kewibawaan Brooke tidak dibina hanya melalui kekerasan atau institusi pentadbiran Barat, tetapi juga melalui kemampuan pemerintah menyesuaikan dirinya dengan struktur politik tempatan, membina hubungan dengan ketua masyarakat dan menggunakan simbol kekuasaan yang dapat difahami dalam konteks Sarawak (Walker, 2002: 112-115). Perspektif ini memberikan dimensi penting kepada analisis Rentap kerana kemenangan Brooke tidak boleh diterangkan hanya melalui kelebihan meriam. Penguasaan politik turut memerlukan pembentukan pakatan dengan pihak yang mempunyai persaingan atau konflik dengan Rentap. Dengan demikian, pengembangan kuasa Brooke berlaku melalui gabungan ketenteraan, diplomasi dan pengurusan hubungan antara kelompok tempatan.

Karya Baring-Gould dan Bampfylde pula penting kerana memperlihatkan bagaimana sejarah awal pemerintahan Brooke dibingkaikan dari perspektif yang dekat dengan tradisi kolonial. Catatan mereka memberikan maklumat mengenai ekspedisi, penggunaan pasukan Iban dan operasi terhadap Bukit Sadok, termasuk penyertaan kelompok tempatan yang menyokong Brooke (Baring-Gould & Bampfylde, 1909: 139, 145). Namun, sumber tersebut perlu digunakan secara kritis kerana struktur naratifnya cenderung meletakkan peluasan Brooke sebagai sebahagian daripada proses pembentukan ketenteraman dan pemerintahan. Rentap dengan itu mudah muncul sebagai halangan kepada kestabilan, sedangkan sebab tempatan bagi penentangan kurang diberi kedudukan yang setara. Nilai karya ini bukan hanya pada fakta yang direkodkan, tetapi juga pada bahasa dan kategori politik yang digunakan untuk membezakan "pemerintah" daripada "pemberontak".

Perbezaan antara sejarah konflik dengan ingatan masyarakat dapat diperhatikan melalui kajian Low. Low menunjukkan bahawa Rentap berkembang daripada tokoh sejarah kepada lambang semangat juang dalam legenda dan tradisi lisan masyarakat Iban

(Low, 2010: 151-175). Ungkapan keberanian, keteguhan dan penolakan untuk tunduk menjadi unsur utama dalam pembentukan imej tersebut (Low, 2010: 158). Perspektif ini penting kerana makna Rentap selepas konflik tidak semestinya sama dengan makna perjuangannya ketika konflik berlangsung. Ingatan kolektif boleh memilih dan memperbesar unsur tertentu sehingga tokoh sejarah berubah menjadi simbol identiti. Oleh itu, legenda Rentap perlu dibaca sebagai sumber mengenai pembentukan memori budaya, bukannya sebagai rekod literal bagi semua peristiwa ketenteraan.

Kajian Craig mengenai pemberontakan dan tindak balas pemerintah di Sarawak turut membantu menempatkan Rentap dalam pola politik yang lebih luas. Konflik yang dihadapi pemerintahan Brooke pada pertengahan abad ke-19 memperlihatkan bahawa proses mengukuhkan kuasa tidak pernah berlangsung tanpa tentangan daripada pemimpin dan komuniti tempatan (Craig, 1989: 85-102). Hal ini menunjukkan bahawa tindakan terhadap Rentap perlu difahami bersama keperluan pemerintah Brooke membentuk autoriti yang diakui, mengawal sempadan wilayah dan mengurus cabaran daripada pelbagai pusat kuasa. Dalam kerangka tersebut, label seperti pemberontak atau ancaman kepada ketertiban bukan istilah yang sepenuhnya neutral kerana penggunaannya bergantung pada siapa yang dianggap mempunyai hak sah untuk menentukan aturan politik.

Persoalan legitimasi juga boleh dilihat melalui sejarah umum pemerintahan Brooke. Runciman menggambarkan pembentukan kerajaan Brooke sebagai proses yang melibatkan hubungan kompleks antara pemerintah baharu dengan Melayu, Iban dan komuniti lain di Sarawak (Runciman, 1960). Pringle dan Walker kemudian memperlihatkan dengan lebih jelas bahawa proses tersebut tidak sekadar berbentuk pemerintahan dari atas, tetapi melibatkan rundingan, kerjasama, penentangan dan perubahan pakatan. Perbandingan antara karya-karya ini memperlihatkan bahawa istilah "penjajahan", "pemerintahan", "pemberontakan" dan "pelanunan" perlu digunakan secara analitikal kerana setiap istilah membawa andaian tertentu mengenai siapa yang memiliki legitimasi politik.

Literatur mengenai Rentap juga memperlihatkan masalah dalam penggunaan konsep nasionalisme. Penulisan yang menonjolkan Rentap sebagai simbol perjuangan boleh memberi gambaran bahawa kesedaran kebangsaan moden telah terbentuk ketika konflik

berlangsung. Namun, bukti yang tersedia lebih jelas menunjukkan mobilisasi yang berasaskan komuniti, wilayah, adat, kepimpinan dan penolakan terhadap kuasa luar. Perjuangan tersebut memang menghasilkan solidariti dan kemudian menjadi sebahagian daripada naratif identiti Iban, tetapi hal itu tidak semestinya bermaksud Rentap mempunyai gagasan negara bangsa dalam pengertian moden. Oleh itu, konsep nasionalisme awal hanya berguna sekiranya digunakan secara terbatas untuk menjelaskan kemunculan kesedaran kolektif terhadap ancaman luar, dan bukan untuk memindahkan struktur politik abad ke-20 kepada pertengahan abad ke-19.

Secara keseluruhannya, literatur memperlihatkan empat hubungan yang perlu dianalisis secara serentak: kepimpinan Rentap dengan struktur sosial Iban, strategi pertahanan dengan geografi tempatan, kejayaan Brooke dengan pembentukan pakatan serta teknologi ketenteraan, dan ingatan terhadap Rentap dengan pembinaan identiti selepas konflik. Artikel ini menghubungkan keempat-empat dimensi tersebut untuk menilai penentangan sebagai persaingan mengenai autonomi dan legitimasi politik. Pendekatan ini membolehkan Rentap dinilai sebagai pemimpin yang beroperasi dalam jaringan sosial tertentu, bukannya sekadar wira individu, manakala pemerintahan Brooke dianalisis sebagai kuasa yang memperoleh dominasi melalui kombinasi ketenteraan, diplomasi, pakatan tempatan dan penguasaan terhadap bahasa politik yang menentukan siapa dianggap sah dan siapa dianggap sebagai pemberontak.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan sejarah secara kualitatif dengan memberi tumpuan kepada analisis kepimpinan Rentap, strategi pertahanan masyarakat Iban dan tindak balas pemerintahan Brooke. Pengumpulan bahan dilakukan melalui kajian kepustakaan dengan menggunakan sumber sekunder yang terdiri daripada buku sejarah, artikel jurnal dan karya akademik terbitan berkaitan masyarakat Iban, Rentap, pemerintahan Brooke serta perkembangan politik Sarawak pada abad ke-19. Bahan kepustakaan diperoleh melalui Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dan Perpustakaan Penyelidikan Borneo Tun Haji Mohd. Fuad Stephens, manakala bahan digital diperoleh melalui pangkalan dan koleksi dalam talian seperti JSTOR, *Cambridge University Library* dan *Open Library*. Pendekatan ini bersesuaian dengan sifat kajian yang meneliti semula peristiwa sejarah melalui

perbandingan antara tafsiran yang dihasilkan pada zaman dan latar historiografi yang berbeza.

Analisis sumber dilakukan melalui pembacaan kritis dan perbandingan historiografi. Penulisan yang dekat dengan pemerintahan Brooke seperti karya Baring-Gould dan Bampfylde, Gertrude L. Jacob serta Spenser St. John tidak diterima sebagai gambaran neutral mengenai konflik, sebaliknya diteliti berdasarkan kedudukan penulis, tujuan penulisan dan bahasa politik yang digunakan terhadap masyarakat Iban. Istilah seperti lanun, pemberontak dan ancaman terhadap ketertiban diberikan perhatian khusus kerana kategori tersebut boleh mencerminkan sudut pandang pemerintah yang sedang membina legitimasi politik. Tafsiran ini kemudian dibandingkan dengan penulisan terbitan yang lebih kemudian seperti karya Robert Pringle, Steven Runciman, John H. Walker, Low Kok On, Gregory Kiyai @ Keai dan Awang Norben Ben bagi mengenal pasti perubahan tafsiran terhadap Rentap, masyarakat Iban dan peluasan kuasa Brooke.

Bahan kajian seterusnya dianalisis secara kronologis dan tematik berdasarkan tiga komponen utama. Komponen pertama meneliti hubungan antara legitimasi kepimpinan Rentap, sokongan komuniti, struktur sosial Iban dan penggunaan geografi dalam strategi pertahanan. Komponen kedua menilai kesan perjuangan tersebut terhadap solidariti serta kesedaran politik masyarakat Iban dengan membezakan antara pertahanan autonomi tempatan dengan konsep nasionalisme moden. Komponen ketiga menganalisis tindak balas Brooke melalui operasi ketenteraan, logistik, teknologi persenjataan, pembentukan pakatan tempatan dan pembinaan naratif mengenai legitimasi pemerintah. Rujuk silang antara karya yang membawa perspektif berbeza digunakan untuk mengurangkan kebergantungan kepada satu naratif sejarah dan membolehkan ketiga-tiga hipotesis diuji berdasarkan hubungan antara tindakan Rentap, struktur masyarakat Iban dan strategi peluasan kuasa Brooke.

Perbincangan Dapatan Kajian

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penentangan Rentap terhadap pemerintahan Brooke tidak dapat dijelaskan melalui keberanian seorang tokoh secara bersendirian. Ketahanan perjuangannya

bergantung pada hubungan antara legitimasi kepimpinan dalam masyarakat Iban, jaringan sokongan komuniti, keupayaan memanfaatkan geografi dan perubahan strategi ketenteraan. Pada masa yang sama, solidariti yang terbentuk tidak merangkumi seluruh masyarakat Iban secara seragam kerana sebahagian kelompok mempunyai kepentingan dan hubungan politik yang berbeza dengan Brooke. Kejayaan pemerintahan Brooke pula terhasil apabila kelebihan teknologi ketenteraan digabungkan dengan logistik, pembentukan pakatan tempatan dan usaha menentukan bahasa politik yang digunakan untuk menggambarkan Rentap. Oleh itu, konflik ini memperlihatkan persaingan bukan sahaja terhadap wilayah, tetapi juga terhadap legitimasi kepimpinan dan hak menentukan susunan politik masyarakat tempatan.

Kepimpinan, Jaringan Komuniti dan Geografi sebagai Asas Ketahanan Penentangan

Hipotesis utama (universal) menyatakan bahawa penentangan masyarakat tempatan terhadap peluasan kuasa luar menjadi lebih berdaya tahan apabila ancaman terhadap autonomi bertemu dengan kepimpinan yang mempunyai legitimasi tempatan, sokongan jaringan sosial dan kemampuan menggunakan keadaan geografi sebagai sumber pertahanan. Dapatan menyokong hubungan tersebut. Rentap tidak muncul sebagai pemimpin hanya kerana kekuatan fizikal, tetapi melalui kedudukan yang dibina daripada pengalaman kepahlawanan, kewibawaan dalam peperangan dan kemampuan mendapatkan kesetiaan pengikut. Ben menunjukkan bahawa kedudukan Rentap berkembang dalam konteks tradisi kepahlawanan masyarakat Iban dan penentangan terhadap campur tangan Brooke dalam kehidupan komuniti (Ben, 2023: 235-241). Pringle pula menunjukkan bahawa kekuatan Rentap bergantung pada sokongan yang dapat dikumpulkannya daripada komuniti di kawasan pedalaman, menjadikan kepimpinannya lebih luas daripada kuasa seorang ketua rumah panjang biasa (Pringle, 1970: 47, 89). Dengan demikian, karisma Rentap menjadi berkesan kerana diterjemahkan kepada jaringan sosial dan kemampuan mobilisasi, bukan kerana personaliti semata-mata.

Geografi merupakan unsur kedua yang mengubah kewibawaan tersebut menjadi keupayaan pertahanan. Bukit Sadok menyediakan kedudukan tinggi yang menyukarkan pasukan penyerang membawa bekalan dan persenjataan berat serta memberikan kelebihan

pengawasan kepada pihak yang bertahan. Strategi Rentap tidak hanya bergantung pada sebuah kubu, tetapi melibatkan pengetahuan terhadap laluan hutan, cerun, tanah tinggi dan jaringan sungai. Baring-Gould dan Bampfylde merekodkan kesukaran ekspedisi Brooke menghadapi pertahanan Bukit Sadok, manakala Pringle turut menunjukkan bagaimana kedudukan tersebut memberikan kelebihan taktikal kepada pasukan Rentap (Baring-Gould & Bampfylde, 1909: 143-145; Pringle, 1970: 89). Penggunaan perangkap, serang balas dan pergerakan melalui kawasan yang lebih dikenali oleh penduduk tempatan menunjukkan bahawa geografi berfungsi sebagai sumber kuasa politik dan ketenteraan. Dalam keadaan ini, kelebihan pasukan yang memiliki persenjataan lebih moden tidak dapat digunakan sepenuhnya tanpa kemampuan menembusi ruang pertahanan tempatan.

Ketahanan Bukit Sadok dalam dua ekspedisi awal turut menunjukkan bahawa hubungan antara teknologi dan peperangan tidak bersifat automatik. Kelebihan senjata api Brooke masih dibatasi oleh masalah membawa artileri, bekalan dan sejumlah besar anggota melalui kawasan pedalaman. Sebaliknya, masyarakat Iban yang menyokong Rentap mempunyai kelebihan dari segi ketahanan bergerak dalam hutan, pengetahuan laluan dan keupayaan mendapatkan sumber tempatan. Namun, kelebihan tersebut mempunyai batas. Apabila Charles Brooke memperkukuh ekspedisi berikutnya dengan artileri lebih berat dan sokongan tenaga tempatan yang lebih besar, kubu kayu yang sebelumnya memberikan perlindungan akhirnya kehilangan kelebihannya. Crisswell menunjukkan pentingnya penggunaan artileri dalam serangan terakhir terhadap Bukit Sadok, manakala Runciman mengaitkan kejatuhan kubu dengan peningkatan kekuatan serangan Brooke (Crisswell, 1978: 89, 142; Runciman, 1960: 110). Oleh itu, geografi boleh menangguhkan kelebihan teknologi, tetapi tidak semestinya menghapuskannya dalam jangka panjang.

Hal ini juga menunjukkan bahawa penentangan Rentap tidak boleh digambarkan sebagai perjuangan seluruh masyarakat Iban dalam satu kesatuan politik yang sempurna. Pringle menunjukkan bahawa komuniti Iban mempunyai hubungan, persaingan dan kepentingan yang berbeza, sehingga sebahagiannya menyokong Brooke (Pringle, 1970: 149-156). Ketahanan Rentap dengan demikian bergantung pada sejauh mana beliau dapat mengekalkan jaringan

penyokong, bukannya pada kewujudan solidariti etnik yang telah lengkap. Hipotesis utama (universal) diterima dengan penjelasan bahawa legitimasi tempatan, jaringan sosial dan geografi memang mengukuhkan kemampuan penentangan, tetapi daya tahannya tetap bergantung pada kestabilan pakatan dan kemampuan menghadapi perubahan teknologi serta logistik pihak lawan.

Daripada Pertahanan Autonomi kepada Kesedaran Kolektif Iban

Hipotesis khusus pertama menyatakan bahawa kepimpinan Rentap membantu mengubah penentangan setempat kepada solidariti kolektif berasaskan pertahanan adat, wilayah dan maruah, tetapi solidariti itu tidak boleh disamakan sepenuhnya dengan nasionalisme moden. Dapatan menunjukkan bahawa motivasi perjuangan lebih jelas berhubung dengan autonomi dan cara hidup masyarakat daripada gagasan negara bangsa. Kiyai @ Keai menunjukkan bahawa kegiatan seperti ngayau mempunyai hubungan dengan keberanian, struktur sosial dan nilai kepahlawanan masyarakat Iban, menjadikan usaha Brooke mengawalnya lebih daripada sekadar penguatkuasaan undang-undang dari perspektif masyarakat yang terlibat (Kiyai @ Keai, 2021: 121-137). Oleh itu, penentangan terhadap peluasan Brooke turut membawa persoalan mengenai siapa yang mempunyai hak menentukan adat, mengawal wilayah dan menetapkan batas terhadap tindakan komuniti.

Dalam konteks tersebut, Rentap menyediakan titik penyatuan simbolik. Keupayaannya mempertahankan Bukit Sadok selepas beberapa serangan membolehkan kubu tersebut berubah daripada kedudukan ketenteraan kepada lambang keteguhan terhadap kuasa Brooke. Kepimpinan Rentap menghubungkan pertahanan fizikal dengan nilai maruah, keberanian dan kebebasan tempatan. Ben menempatkan faktor campur tangan Brooke terhadap kehidupan serta adat masyarakat sebagai salah satu latar penting penentangan tersebut (Ben, 2023: 239-241). Namun, solidariti yang terhasil tetap perlu dibezakan daripada nasionalisme moden kerana sokongan Rentap tidak berdasarkan program pembentukan sebuah negara Iban, sistem kewarganegaraan atau gerakan politik yang menggabungkan seluruh penduduk Sarawak. Yang dapat dikenal pasti dengan lebih kukuh ialah pembentukan kesedaran mengenai ancaman bersama terhadap ruang autonomi tertentu.

Makna Rentap kemudian berkembang melalui ingatan kolektif. Low menunjukkan bahawa naratif lisan dan legenda mengangkat Rentap sebagai lambang semangat juang dan keteguhan masyarakat Iban, sehingga tokoh sejarah tersebut memperoleh fungsi budaya yang melampaui pertempuran yang pernah dipimpinnya (Low, 2010: 151-175). Proses ini penting kerana identiti kolektif tidak semestinya terbentuk sepenuhnya ketika peristiwa berlaku. Sesuatu perjuangan boleh diberikan makna baharu oleh generasi kemudian melalui cerita, simbol, pendidikan dan peringatan. Dalam kes Rentap, kekalahan ketenteraan tidak menghalang pembentukan kemenangan simbolik kerana ketidakmahuannya tunduk kepada Brooke menjadi unsur yang terus diingati. Dengan itu, pemaknaan Rentap sebagai wira Iban merupakan hasil hubungan antara pengalaman sejarah dan pembinaan memori selepas konflik.

Atas dasar ini, istilah nasionalisme awal hanya boleh digunakan dengan batas yang jelas. Jika nasionalisme difahami sebagai ideologi negara bangsa moden, bukti yang ada tidak cukup untuk meletakkan Rentap dalam kategori tersebut. Namun, jika istilah itu digunakan secara lebih terbatas untuk merujuk kemunculan solidariti politik terhadap kuasa luar, perjuangan Rentap mempunyai beberapa cirinya. Yang paling kukuh ialah kesedaran mengenai wilayah, maruah komuniti, adat dan hak menentukan kehidupan sendiri. Oleh itu, hipotesis khusus pertama diterima dengan pengubahsuaian konseptual: kepimpinan Rentap memang memperkukuh kesedaran kolektif dan kemudian menjadi asas simbolik identiti Iban, tetapi fenomena tersebut lebih tepat disebut kesedaran politik tempatan atau proto-nasionalisme yang terbatas daripada nasionalisme moden yang telah terbentuk sepenuhnya.

Ketenteraan, Pakatan Tempatan dan Pertarungan Legitimasi Brooke

Hipotesis khusus kedua menyatakan bahawa kejayaan Brooke menundukkan Rentap tidak ditentukan oleh kelebihan persenjataan semata-mata, tetapi oleh hubungan antara operasi ketenteraan, logistik, pembentukan pakatan tempatan dan pembingkaian Rentap sebagai ancaman terhadap ketertiban. Dapatan menunjukkan bahawa serangan terakhir terhadap Bukit Sadok memang memperlihatkan kesan besar teknologi ketenteraan. Crisswell mencatat penggunaan

artileri dalam ekspedisi Charles Brooke, sementara Sandin menunjukkan penglibatan pasukan gabungan yang terdiri daripada unsur Iban dan Melayu bersama teknologi persenjataan yang lebih maju (Crisswell, 1978: 89, 142; Sandin, 1967: 133). Runciman pula menyatakan bahawa kemusnahan pertahanan Bukit Sadok membolehkan pasukan Brooke akhirnya menembusi kedudukan Rentap (Runciman, 1960: 110). Namun, teknologi hanya menjadi berkesan apabila Brooke mempunyai tenaga manusia dan keupayaan logistik untuk membawanya ke kawasan pertahanan.

Pakatan tempatan menjadi komponen penting dalam proses tersebut. Walker menunjukkan bahawa pembentukan kuasa Brooke bergantung pada kemampuan pemerintah menggunakan hubungan politik tempatan dan mendapatkan sokongan daripada kelompok yang mempunyai kepentingan tersendiri (Walker, 2002: 112-115). Pringle juga memperlihatkan bahawa sebahagian masyarakat Iban menyertai operasi Brooke, sekali gus menolak gambaran konflik sebagai perang mudah antara seluruh kaum Iban dengan pemerintah Eropah (Pringle, 1970: 149-156). Crisswell mencatat penglibatan sejumlah besar anggota Iban dalam ekspedisi terhadap Bukit Sadok (Crisswell, 1978: 91). Keadaan ini menunjukkan bahawa Brooke berjaya mengubah perpecahan dan persaingan setempat menjadi kelebihan politik. Apabila beberapa komuniti memilih bekerjasama dengan pemerintah, kemampuan Rentap mendapatkan tenaga, bekalan dan perlindungan politik turut berkurangan.

Dimensi ketiga ialah pembentukan legitimasi melalui bahasa. Pemerintahan Brooke menggunakan kategori seperti *pirate, rebel* dan *troublemaker* bagi menempatkan tindakan Rentap di luar batas ketertiban yang diakui pemerintah. Penggunaan istilah sebegini mempunyai fungsi politik kerana jika Rentap dianggap lanun, kempen terhadapnya dapat dibingkaikan sebagai usaha memulihkan keamanan dan melindungi perdagangan, bukannya sebagai peperangan untuk memperluaskan kuasa. Kontroversi mengenai pelanunan dalam sejarah awal Brooke memperlihatkan bahawa persoalan siapa yang layak dikategorikan sebagai lanun bukan sekadar masalah terminologi, tetapi berkait rapat dengan kepentingan politik dan legitimasi penggunaan kekerasan. Baring-Gould dan Bampfylde sendiri menulis sejarah pemerintahan Brooke melalui kerangka pembinaan keamanan dan pengukuhan pentadbiran, menyebabkan tokoh yang menolak pemerintah lebih mudah ditempatkan sebagai ancaman terhadap susunan tersebut (Baring-Gould & Bampfylde, 1909: 139-145).

Akhirnya, kejatuhan Bukit Sadok membuktikan keunggulan operasi Brooke pada peringkat ketenteraan, tetapi tidak menyelesaikan pertarungan legitimasi dalam ingatan sejarah. Reece menunjukkan bahawa Rentap berundur selepas pertahanannya ditembusi dan tidak lagi memainkan peranan yang sama dalam peperangan terbuka (Reece, 1982: 143). Namun, perkembangan imej Rentap sebagai wira dalam ingatan Iban menunjukkan bahawa kekalahan fizikal tidak menghapuskan tafsiran alternatif terhadap konflik. Brooke memperoleh kawalan wilayah, manakala Rentap kemudian memperoleh kedudukan simbolik sebagai tokoh yang mempertahankan autonomi daripada peluasan kuasa luar. Oleh itu, hipotesis khusus kedua diterima. Kejayaan Brooke merupakan hasil gabungan teknologi, logistik, pakatan tempatan dan pembentukan naratif politik, manakala kesinambungan nama Rentap memperlihatkan bahawa penguasaan ketenteraan tidak secara automatik memberikan penguasaan mutlak terhadap memori dan tafsiran sejarah.

Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan bahawa penentangan Rentap terhadap pemerintahan Brooke merupakan konflik yang lebih kompleks daripada pertembungan ketenteraan antara seorang pahlawan tempatan dengan sebuah pemerintahan yang sedang berkembang. Kekuatan Rentap terbentuk melalui hubungan antara kewibawaan kepimpinan, jaringan sokongan komuniti, pengetahuan terhadap geografi dan kemampuan menyesuaikan strategi pertahanan dengan keadaan tempatan. Bukit Sadok menjadi pusat penting kepada ketahanan tersebut kerana kedudukannya memungkinkan kelebihan medan digabungkan dengan sokongan pengikut serta teknik pertahanan yang menyukarkan operasi Brooke. Oleh itu, kepimpinan Rentap perlu difahami sebagai bentuk kepimpinan politik dan ketenteraan yang berakar dalam struktur sosial masyarakat Iban, bukan semata-mata sebagai manifestasi keberanian individu.

Hipotesis utama diterima dengan beberapa batasan. Penentangan terhadap peluasan kuasa luar terbukti menjadi lebih berdaya tahan apabila pemimpin mempunyai legitimasi tempatan, sokongan sosial dan kemampuan menggunakan ruang geografi sebagai sumber pertahanan. Rentap berjaya mempertahankan kedudukannya dalam beberapa siri serangan kerana hubungan antara

ketiga-tiga unsur tersebut. Namun, daya tahan itu tidak bersifat mutlak. Perubahan keseimbangan teknologi, keupayaan logistik Brooke serta perubahan dalam jaringan pakatan akhirnya mengurangkan kelebihan yang dimiliki oleh Rentap. Hal ini menunjukkan bahawa keberkesanan penentangan masyarakat tempatan bergantung pada kemampuan mempertahankan bukan sahaja wilayah fizikal, tetapi juga jaringan sosial dan sumber politik yang membolehkan perjuangan diteruskan.

Hipotesis khusus pertama turut diterima dengan penjelasan konseptual. Kepimpinan Rentap memang membantu membentuk solidariti dan kesedaran kolektif dalam kalangan komuniti Iban yang menyokongnya, khususnya melalui pertahanan adat, wilayah, maruah dan autonomi. Namun, kesedaran tersebut tidak harus disamakan secara langsung dengan nasionalisme moden kerana perjuangannya tidak dibentuk melalui gagasan negara bangsa, kewarganegaraan atau organisasi politik nasional. Istilah nasionalisme awal atau proto-nasionalisme hanya sesuai digunakan secara terbatas untuk menggambarkan kesedaran politik terhadap ancaman kuasa luar. Kepentingan Rentap dalam pembentukan identiti Iban menjadi lebih jelas selepas konflik apabila kisah perjuangannya berkembang melalui ingatan kolektif dan menjadikannya simbol keberanian serta keteguhan mempertahankan autonomi.

Hipotesis khusus kedua juga diterima. Kejayaan pemerintahan Brooke menundukkan pertahanan Rentap tidak dapat dijelaskan melalui kelebihan persenjataan sahaja. Penggunaan meriam dan senjata api memang memainkan peranan penting, tetapi keberkesanannya bergantung pada organisasi ekspedisi, pengangkutan bekalan, penggunaan tenaga tempatan serta kemampuan membina pakatan dengan kelompok yang mempunyai kepentingan tersendiri. Pada masa yang sama, pembingkaian Rentap sebagai lanun, pemberontak atau ancaman kepada ketertiban membolehkan tindakan ketenteraan Brooke dibentangkan sebagai usaha mewujudkan keamanan dan pemerintahan yang sah. Konflik tersebut dengan demikian berlangsung pada dua medan yang saling berkaitan, iaitu medan ketenteraan untuk menguasai wilayah dan medan politik untuk menentukan pihak yang mempunyai legitimasi memerintah.

Secara keseluruhannya, perjuangan Rentap memperlihatkan bahawa kemenangan ketenteraan tidak semestinya menghasilkan kemenangan mutlak dalam pembentukan memori sejarah. Brooke akhirnya berjaya menguasai Bukit Sadok dan memperluaskan pengaruh politiknya, tetapi Rentap terus hidup dalam ingatan masyarakat sebagai simbol penentangan terhadap pencerobohan kuasa luar. Perbezaan antara kemenangan politik Brooke dengan kelangsungan simbolik Rentap menunjukkan bahawa sejarah penentangan tidak hanya ditentukan oleh pihak yang memenangi peperangan, tetapi juga oleh cara masyarakat kemudian mentafsir pengalaman mereka sendiri. Dengan perspektif ini, Rentap mempunyai kepentingan bukan sahaja dalam sejarah ketenteraan Sarawak, tetapi juga dalam sejarah autonomi tempatan, legitimasi politik dan pembentukan identiti masyarakat Iban.

Penghargaan

Artikel ini diolah dan dikembangkan daripada hasil penyelidikan Latihan Ilmiah pelajar Program Sejarah. Penghasilan manuskrip ini merupakan usaha kolaboratif bersama Prof. Madya Dr. Bilcher Bala selaku penyelia, yang telah menyumbangkan idea, semakan terperinci, serta komitmen penuh dalam menyunting dan mempertingkatkan kualiti artikel ini sehingga berjaya diterbitkan.

Senarai Rujukan

Buku dan Jurnal

Adil, B. (1970). *Sejarah Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Baring-Gould, S. & Bampfylde, C. A. (1909). *A History of Sarawak under Its Two White Rajahs, 1839-1908*. London: Henry Sotheran & Co.

Ben, A. N. (2023). Rentap: Satu Penelitian Ke Atas Motif dan Faktor Perjuangannya di Sarawak. *Jurnal Borneo Arkhailogia (Heritage, Archaeology and History)*. Vol. 8 (1). Hlm. 233-252.

Craig, A. (1989). Rebellion and Response in Sarawak: 1853-1863. *Sarawak Museum Journal*. Vol. 40 (61). Hlm. 85-102.

Crisswell, C. N. (1978). *Rajah Charles Brooke: Monarch of All He Surveyed*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Irwin, G. (1955). *Nineteenth-Century Borneo: A Study in Diplomatic Rivalry*. The Hague: Martinus Nijhoff.

Jacob, G. L. (1876). *The Raja of Sarawak: An Account of Sir James Brooke, K.C.B., LL.D., Given Chiefly Through Letters and Journals*. London: Macmillan and Co.

Kiyai @ Keai, G. (2021). Sejarah Budaya Ngayau dalam Masyarakat Iban di Sarawak. *Jurnal Borneo Akhailogia (Warisan, Arkeologi & Sejarah)*. Vol. 6 (1). Hlm. 121-137.

Kiyai @ Keai, G. (2022). Perang Beting Marau 1849: Kemuncak kepada Konflik Iban dan Rajah Brooke. *Zulfaqar Journal of Defence Management, Social Science & Humanities*. Vol. 5 (2). Hlm. 90-101.

Low, K. O. (2010). Lambang Semangat Juang dalam Legenda Rentap dan Sejarah Penentangannya terhadap Raja Brooke di Sarawak. *SARI - International Journal of the Malay World and Civilisation*. Vol. 28 (1). Hlm. 151-175.

Ooi, K. G. (2009). *Historical Dictionary of Malaysia*. Lanham, Maryland: Scarecrow Press.

Pringle, R. (1970). *Rajahs and Rebels: The Ibans of Sarawak under Brooke Rule, 1841-1941*. Ithaca: Cornell University Press.

Reece, R. H. W. (1982). *The Name of Brooke: The End of White Rajah Rule in Sarawak*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Runciman, S. (1960). *The White Rajahs: A History of Sarawak from 1841 to 1946*. Cambridge: Cambridge University Press.

Sandin, B. (1967). *The Sea Dayaks of Borneo Before White Rajah Rule*. London: Macmillan.

Smith, A. D. (2010). *Nationalism: Theory, Ideology, History*. Cambridge: Polity Press.

St. John, S. (1879). *The Life of Sir James Brooke, Rajah of Sarawak: From His Personal Papers and Correspondence*. Edinburgh: William Blackwood and Sons.

Walker, J. H. (2002). *Power and Prowess: The Origins of Brooke Kingship in Sarawak*. Honolulu: University of Hawai'i Press.